

UTUSAN MALAYSIA

Mega

SAINS



SUNTIK SEMANGAT KEMERDEKAAN »23

INISIATIF GO GREEN

Leb LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

AZAM, kesungguhan, tanggungjawab... barangkali itu kata-kata paling sesuai bagi mengungkapkan secara mudah tujuan murni pihak yang terlibat dalam penganjuran Program Pemindahan Ilmu (KTP) tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi. Dinamakan Program Pemerksaan Industri: Inisiatif Go Green Universiti Putra Malaysia (UPM) dan operator resort Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Lodge di Pulau Mabul Semporna, Sabah, ia sudah menunjukkan bibit-bibit kejayaan.

Inisiatif itu diterajui Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM) dan Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina (FRSB), UPM yang bekerjasama dengan industri bagi menggalakkan pengusaha pelancongan khususnya di kawasan pulau supaya mengamalkan konsep kitar semula dan mesra alam selain bertujuan memperkenal keusahawanan hijau yang mampu dan inovatif.

Pelaksanaan program tersebut adalah hasil daripada aktiviti pemindahan pengetahuan yang diketuai pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM, Prof. Madya Dr. Sridar Ramachandran dan kumpulannya yang terdiri

daripada pelbagai kepakaran.

Program tersebut kesinambungan daripada kajian lepas yang dijalankan melalui Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS). Kajian tersebut mendapat bahawa masyarakat di Semporna, Sabah bergantung kepada laut untuk menghantarkan kumbahan mentah dan sampah.

Beliau yang mempunyai kepakaran dalam bidang pelancongan berkata, pihaknya sebelum itu membuat tinjauan ke seluruh negara bagi mencari lokasi sesuai mengamalkan konsep hijau dan kitar semula dan mendapat kawasan luar bandar sangat praktikal untuk tujuan itu.

“Kami akhirnya nampak (mendapat) daerah Semporna sesuai dan mendapat banyak isu berkaitan sampah yang belum diselesaikan kerana mereka (penduduk) berpendapat menjadi tabiat mereka.

“Kami ingin membuktikan bahawa penyelidikan boleh mencetuskan sesuatu dan bukan menghasilkan jurnal semata-mata,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian pada perasmian Program Pemerksaan Industri: Inisiatif Go Green UPM bersama Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Lodge di Pulau Mabul, Semporna, Sabah baru-baru ini yang dirasmikan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Yang turut hadir Pengerusi

Lembaga Taman-Taman Sabah, Tengku Datuk Seri Dr. Zainal Adlin Tengku Mahamood; Dekan FRSB, Prof. Madya Dr. Osman Mohd. Tahir; Dekan Fakulti Perhutanan UPM, Prof. Dr. Mohamed Zakaria Hussin; Pengarah Pelancongan Sabah, Awang Ahmad Zaki Abu Bakar dan kumpulan penyelidik serta pelajar pascasiswazah UPM.

Dr. Sridar yang juga ketua projek berkata, program pemerksaan ini bukti industri sudah bersedia untuk mengambil alih usaha hijau dari universiti.

“Kami juga menggunakan pendekatan *Inclusive Business Model* anjuran Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) dengan kaedah melantik seorang tokoh atau ikon tempatan sebagai peneraju program.

“Sebab itu kami memilih Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Lodge yang diterajui Ang Kian Chong atau kepunyaan Uncle Chang, sebagai rakan strategik” ujarnya.

Katanya, kemampuan program tersebut hanya boleh dilihat sekiranya industri terlibat secara langsung dan aktif mengusahakan sepuluh inisiatif hijau yang diperkenal.

Malah resort berkenaan juga berpotensi untuk menjimatkan sejumlah RM35,000 setahun sekiranya kesemua inisiatif itu amalkan dengan konsisten.



DR. AINI IDERIS bersama Dr. Osman Mohd. Tahir (kiri) Dr. Sridar Ramachandran (kanan) dan Kamarul Ariffin tertarik dengan taman mini pada program Pemerksaan Industri Inisiatif Go Green UPM bersama Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Resort di Pulau Mabul, Semporna, Sabah baru-baru ini.



DR. SRIDAR RAMACHANDRAN menunjukkan Manual Ke Arah on Job Training yang dihasilkan sebagai panduan dalam penghijauan resort.

Justeru apabila pihaknya menerima dana LRGS sebanyak RM92,000 menerusi program KTP, mereka yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar yang pakar dalam pembuat dasar, pakar luar bandar, pembuat keputusan, impak ekonomi pelancongan dan pengurusan sisa mengambil keputusan bekerjasama dengan pengusaha resort tempatan tersebut selama dua tahun bermula pada 2015.

Kata beliau, Kementerian

Pendidikan Tinggi mahukan program pemindahan ilmu daripada penyelidikan kepada masyarakat diperhebat. Untuk tujuan itu, program pihaknya melantik seorang penyelaras Kamarul Arifin Faizal menjadi ketua program di namakan Go Green.

Dalam masa sama, dengan adanya Kamarul Ariffin dan dua pelajar Nursyuhadah Azifizah Sarip dan Fateen Nursyahana Uyub sebagai penyelaras yang pakar dalam pembuat dasar, pakar luar bandar, pembuat keputusan, impak ekonomi pelancongan dan pengurusan sisa mengambil keputusan bekerjasama dengan pengusaha resort tempatan tersebut selama dua tahun bermula pada 2015.

Antaranya termasuklah pengumpulan air hujan,

pengumpulan air penyaman udara, program alam sekitar, penubuhan kitar semula dan pengasingan sisa organik penghasilan inovasi kitar semula.

Selepas dua tahun pengenalan, maka wujudlah buku *Manual Ke Arah On Job Training Ke Arah Resort Hijau*.

Mengenai sama ada manual berkenaan boleh diamalkan oleh resort lain, Dr. Sridar berkata, pihaknya menggalakkan mereka berbuat demikian termasuklah juga taman laut bagi membolehkah program kitar semula diperhebatkan.

“Saya melihat program ini menekankan inklusif, tanggungjawab dan kesejahteraan,” ujarnya.

Gambar MOHD. NOOR AMIN